

Press Clipping

Westport mahu tarik syarikat China

KUALA LUMPUR 10 April - Bersandarkan kepada pencapaian hebat Pelabuhan Klang pada dekad lepas, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Chan Kong Choy berhasrat menarik lebih banyak peserta industri perkapalan dan maritim China untuk datang ke Pelabuhan Klang dan meneroka peluang perniagaan semasa lawatan sembilan hari beliau ke negara itu.

Westport, pelabuhan bertaraf dunia utama Malaysia dan projek bernilai berjuta ringgit, Zon Perdagangan Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) akan menjadi tarikan dalam menarik industri perkapalan dan maritim China.

Chan akan berucap pada perhimpunan ketua-ketua industri perkapalan dan maritim utama di Shanghai pada hari ini dan akan berucap pada majlis yang sama di bandar selatan Shenzhen pada Rabu, kata Westport dalam kenyataannya di sini.

Turut serta dalam delegasi menteri itu ialah Pengerusi Eksekutif Westport Malaysia, Tan Sri G. Gnanalingam dan Pengerusi Lembaga Pelabuhan Klang (LPK), Datuk Yap Pian Hon serta Pengurus Besar LPK, Datin Paduka O.C Phang dan Encil Noel Gulliver William dari PKFZ.

- **Bernama**